



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500
03-88803782

Faks : 03-88803886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JK/MP 16 Jld 5

Tarikh : 08 Ogos 2012

Semua Hakim Mahkamah Sesyen
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Semua Pendaftar Kanan /Pendaftar
Mahkamah Sesyen/Majistret
Seluruh Malaysia

Y.Bhg Dato'/Datin/ Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 4 TAHUN 2012
PELAKSANAAN PENGHAKIMAN
(SAMAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bagi meningkatkan sistem penyampaian Mahkamah, bahagian pelaksanaan di Mahkamah juga memainkan peranan penting dalam membantu memastikan kelicinan pentadbiran terutamanya memastikan pelaksanaan penghakiman dijalankan. Terdapat isu-isu berbangkit yang menyebabkan proses pelaksanaan tidak dapat dijalankan

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

secara berkesan terutamanya pelaksanaan yang melibatkan Saman Penghutang Penghakiman.

3. Beberapa masalah yang timbul berkaitan Pelaksanaan Saman Penghutang Penghakiman antara lainnya adalah sepertimana di bawah:

- (i) Kekерapan penetapan tarikh sebutan kerana kegagalan penyerahan Saman Penghutang Penghakiman;
- (ii) Jarak masa di antara satu tarikh sebutan dengan tarikh sebutan yang berikutnya;
- (iii) Tiada tarikh sebutan ditetapkan walaupun waran tangkap telah dikeluarkan;
- (iv) Kekерapan penetapan tarikh sebutan sementara menunggu Waran Tangkap dilaksanakan (*executed*); dan
- (iv) Kekерapan Notis Penghakiman difailkan di mahkamah walaupun keputusan pertama telah dibuat oleh Mahkamah.

4. Bagi mengatasi masalah ini dan untuk tujuan keseragaman, mahkamah hendaklah mengambilkira perkara-perkara di bawah:

- (i) Menetapkan tarikh sebutan sebanyak **tiga (3) kali sahaja** sebelum saman tersebut dibatalkan atas alasan saman tidak dapat diserahkan;
- (ii) Tempoh masa di antara satu tarikh sebutan dengan tarikh sebutan yang lain untuk keadaan (i) di atas adalah tidak melebihi **(1) satu bulan** melainkan terdapat alasan munasabah yang boleh dipertimbangkan;
- (iii) Bagi kes-kes yang mana waran tangkap dipohon, mahkamah hendaklah menggunakan budibicara yang sewajarnya untuk menetapkan tarikh sebutan yang munasabah untuk memantau pelaksanaan waran tangkap;

- (iv) Bagi kes-kes yang mana terdapat permohonan untuk lanjutan tempoh masa waran tangkap, Mahkamah hendaklah hanya membenarkan permohonan tersebut jika terdapat alasan yang munasabah.

- (v) Fail pelaksanaan dianggap tutup setelah keputusan pertama dibuat dan bicara Notis Penghakiman yang difailkan selepas keputusan pertama dibuat dan **tidak perlu** dimasukkan ke dalam senarai *Aging List* bulanan yang dihantar ke Unit Statistik sebagai kes yang masih tertunggak dan belum diselesaikan.

Arahan Amalan ini adalah berkuat kuasa mulai 10 Ogos 2012.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No. 45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
SARAWAK

Pengarah
Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia



Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pengerusi
Majlis Peguam Malaysia
No. 13, 15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
Tingkat 3, 120 Gaya Street
88000 Kota Kinabalu
SABAH

Pengerusi
Persatuan Peguam Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik, Petrajaya, 93050 Kuching
SARAWAK